

Syor swastakan perkhidmatan ambulans hospital kerajaan

KUALA LUMPUR 26 Sept. - Kementerian Kesihatan ber-cadang untuk menswastakan perkhidmatan ambulans hospital kerajaan bagi membaiki mutu perkhidmatannya.

Menterinya, Datuk Dr. Chua Soi Lek berkata, kertas cadangan mengenainya telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada Jun lalu.

Menurutnya, perkhidmatan ambulans sememangnya merupakan masalah besar bagi kementerianya kerana penyelenggaraan yang tidak memuaskan.

"Selain itu, sikap pemandu dan kekurangan kakitangan terlatih turut menyumbang kepada masalah perkhidmatan tersebut sehingga menyebabkan setiap ambulans hanya boleh bertahan selama empat tahun, lepas itu dah teruk dan tidak sesuai digunakan.

"Sehubungan itu, kementerian berpendapat lebih baik menyewa atau menggunakan sumber luar yang dikendalikan oleh pihak swasta," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Skim Diskaun Istimewa Perlindungan Insurans untuk Doktor Perubatan Muda di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai perkhidmatan ambulans hospital kerajaan yang dikatakan tidak banyak, sering tiba lewat dan tidak dilengkapi dengan kemudahan.

Menurut Soi Lek, pertimbangan untuk menyediakan per-

khidmatan ambulans oleh pihak swasta hanya diterima sekiranya kadar bayaran munasabah dan tidak membebankan kerajaan.

"Sebenarnya, penswastaan perkhidmatan ambulans di hospital kerajaan bukannya perkara baru, tetapi telah dipraktikkan oleh negara-negara lain.

"Ini lebih memudahkan kerana kerajaan tidak perlu menyelenggarakan kenderaan itu, semua dibuat oleh syarikat yang menawarkan perkhidmatan itu," jelasnya.

Beliau memberitahu, sehingga kini terdapat hampir 1,000 ambulans digunakan di hospital kerajaan dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan merancang untuk membeli tambahan 800 buah ambulans.

Sementara itu, pada majlis itu juga diadakan penyampaian cek bernilai RM10,000 daripada Majlis Perubatan Malaysia (MMA) untuk keluarga Allahyarham Dr. Norbaizura Yahaya, 24, yang meninggal dunia minggu lalu selepas koma selama 16 hari akibat kemalangan membabitkan ambulans yang dinaikinya.

Tayar ambulans yang dinaiki oleh Dr. Norbaizura pecah menyebabkan kenderaan itu terbabas ke bahu jalan kiri lalu melanggar tiang lampu berhampiran Bangi menyebabkan beliau cedera parah di kepala.

Ambulans itu sedang dalam perjalanan dari Hospital Seremban ke Hospital Selayang.